

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR  
(CAMERON HIGHLANDS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [ CAMERON HIGHLANDS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini syarikat pengawal keselamatan yang telah berdaftar dengan pihak Kementerian Dalam Negeri dan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian supaya syarikat yang berdaftar itu tidak menyewakan lesen syarikat mereka kepada pihak ketiga (alibaba).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sehingga 21 Oktober 2020, sebanyak 903 buah syarikat kawalan keselamatan yang berlesen dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 4 Tahun 2010: Syarat/Peraturan Pengendalian dan Pengurusan Agensi Persendirian Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971 telah menyatakan secara jelas di bawah perkara 6.1 (b) - lesen agensi persendirian adalah dilarang sama sekali untuk diproksi, dipajak atau disewakan.

Bagi memastikan syarikat pengawal keselamatan berlesen tidak menyewakan lesen syarikat mereka kepada pihak ketiga (alibaba), KDN menjalankan sesi audit pematuhan ke atas semua syarikat kawalan keselamatan melalui Bahagian Audit Dalam KDN dan juga Bahagian Penguatkuasan dan Kawalan (PKK) yang mempunyai cawangan di setiap negeri di seluruh negara. Pihak syarikat kawalan keselamatan juga perlu mengemukakan semua dokumen berkaitan pengurusan syarikat dan laporan kewangan/audit kepada Kementerian Dalam Negeri pada setiap hujung tahun untuk memastikan syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah KDN mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan di bawah Pekeliling dan Akta Agensi Persendirian 1971 semasa mengemukakan permohonan memperbaharui lesen mereka.

Bagi mana-mana syarikat kawalan keselamatan yang tidak mematuhi peraturan ini, lesen syarikat terbabit akan dibatalkan oleh KDN.